



30 SEP, 2024

Rampas rokok, arak RM13.9j

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



AMINUL IZMEER (tengah) menunjukkan rokok, arak serta barangan yang dirampas pada sidang akhbar di Menara Kastam Johor Bahru semalam.

Kastam gempur sindiket penyeludupan di seluruh Johor

Rampas rokok, arak RM13.9j

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

JOHOR BAHRU – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menumpaskan enam kes penyeludupan rokok dan arak di negeri ini dalam tempoh sebulan dengan nilai rampasan mencecah RM13.9 juta.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd. Sohaimi berkata, operasi tersebut dijalankan di seluruh negeri termasuk satu kes di Kuala Lumpur.

Menurut beliau, operasi pertama dijalankan di Pelabuhan

Tanjung Pelepas pada 17 Julai, manakala operasi terakhir dilakukan pada 17 Ogos secara serentak di beberapa daerah.

"Sindiket ini tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain, namun modus operandi digunakan adalah sama iaitu membuat pengiklanan tidak benar ke atas barang dagangan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Operasi terakhir yang dijalankan serentak di Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Pontian dan Mersing menyaksikan 39 warga tempatan dan 37 warga asing

ditahan," katanya pada sidang akhbar di Menara Kastam di sini semalam.

Tambah Aminul Izmeer, kesemua kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 135 dan Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Sementara itu, Aminul Izmeer turut memaklumkan kejayaan pihaknya merampas dadah jenis methamphetamine, ketamin dan ekstasi seberat 2.9 kilogram bernilai RM1.3 juta.

Katanya, kejayaan itu direkod menerusi satu operasi dijalankan di Jalan Parit Perpat Laut, Rengit,

pada pukul 2 petang, 10 Ogos lalu.

"Pemeriksaan mendapati sebuah beg beroda telah disembunyikan di bawah kotak gabus. Apabila dibuka, terdapat bungkusan plastik hitam mengandungi 14 pekiet kecil berisi pil dan serbuk dipercayai dadah.

"Modus operandi digunakan adalah membawa masuk dadah dari negara jiran menggunakan laluan tikus sebelum diedarkan kepada orang ramai," jelasnya.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



30 SEP, 2024

Rampas rokok, arak RM13.9j

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

It st m AMINULIZMEER (tengah) menunjukkan rokok, arak serta barangan yang dirampas pada sidang akhbar di Menara Kastam Johor Bahru semalam.

Kastam gempur sindiket penyeludupan di seluruh Johor

JOHOR BAHRU - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menumpaskan enam kes penyeludupan rokok dan arak di negeri ini dalam tempoh sebulan dengan nilai rampasan mencecah RM13.9 juta. Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd.